

EK

PM: BUKAN MASANYA LAGI UNTUK BERI 100 % SAHAM PROTON KEPADA BUMI

SHAH ALAM, 9 JULAI (BE BERNAMA) - DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TIDAK BERSETUJU DENGAN PENDAPAT SESETENGAH GOLONGAN BAHAWA 100 PERATUS SAHAM DALAM PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL SDN BHD (PROTON) HENDAKLAH DIKHASKAN KEPADA BUMIPUTERA.

BERUCAP DI PEMBUKAAN RASMI KILANG KERETA NASIONAL BERTHARGA \$550 JUTA DAN PELANCARAN PROTON SAGA DEKAT SINI HARI INI, PERDANA MENTERI BERKATA, PROTON AKAN TETAP MENGAMALKAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) TETAPI BUAT PERMULAAN KERAJAAN AKAN MENJADI PEMEGANG AMANAH BAGI BUMIPUTERA MELALUI PERBADANAN PERUSAHAAN BERAT MALAYSIA (HICOM).

KATANYA INI ADALAH MEMANDANGKAN RISIKO SEMASA YANG TINGGI DAN SAHAM-SAHAM TERSEBUT AKAN DIEDARKAN KEPADA BUMIPUTERA MELALUI SALURAN-SALURAN TERTENTU.

+ BAGI MEREKA YANG BERPENDAPAT BAHAWA SERATUS-PERATUS SAHAM HENDAKLAH DIKHASKAN KEPADA BUMIPUTERA, SAYA INGIN MENINGGATKAN BAHAWA PERNIAGAAN BUKAN SELALUNYA UNTUNG, + KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA INI DILAKSANAKAN BUMIPUTERA AKAN RUGI SERATUS PERATUS JIKA SYARIKAT ITU RUGI.

+DALAM PERNIAGAAN, ORANG BIJAK DAN PINTAR BIASANYA BERKONGSI DENGAN ORANG LAIN, TERUTAMA APABILA KEUNTUNGAN BELUM TENTU AKAN DIPEROLEHI, + TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENJELASKAN BUKANLAH NIAT KERAJAAN UNTUK MENGHANCURKAN PENIAGA-PENIAGA KERETA YANG ADA DENGAN KEMASUKANNYA DALAM BIDANG PEMBUATAN KERETA.

+ TIDAK ADA FAEDAHNYA BAGI NEGARA JIKA PERNIAGAAN YANG BESAR SEPERTI PEMASARAN KERETA TIBA-TIBA DIMUSNAHKAN, + KATANYA.

KATANYA KERAJAAN MEMASUKI BIDANG PEMBUATAN KERETA SUPAYA PERNIAGAAN TERSEBUT AKAN BERKEMBANG DENGAN LEBIH PESAT.

+ DENGAN INI PENIAGA BARU DAN KECIL AKAN MENDAPAT PELUANG MEMASUKI BIDANG ITU, SEMENTARA YANG MAJU AKAN TERUS MAJU, + KATA PERDANA MENTERI LAGI..

+ KERAJAAN SEDAR BAHAWA SYARIKAT PEMASANGAN KERETA TEMPATAN MERASA TERJEJAS DENGAN PERLAKSANAAN PROJEK KERETA NASIONAL, + KATA BERLIAU.

+ MENYEDARI INI, KERAJAAN TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT BERKENAAN SUPAYA SAMA-SAMA MEMBERI SOKONGAN DENGAN MENJUAL KERETA PROTON SAGA, + KATA BELIAU..

PERDANA MENTERI BERKATA LANGKAH ITU AKAN DAPAT MEMBANTU MENGURANGKAN KESAN TERHADAP SYARIKAT-SYARIKAT ITU DI SAMPING MENUBUHKAN RANGKAIAN WAKIL JUALAN DI SETIAP TEMPAT DI NEGARA INI.

--- BE BERNAMA